

CNS6866

U GB 27-01 00199 XA743

aab

SEMUA HARUS BAYAR BAGI PASTI LALUAN PERKAPALAN SELAMAT DAN BEBAS  
Mahathir - SELAT

SINGAPURA, 27 Jan (Bernama) -- Perbelanjaan bagi memastikan laluan perkapalan bebas dan selamat bukan tanggungjawab negara-negara pesisir semata-mata, kata Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, sudah tiba masanya masyarakat antarabangsa menghargai masalah dan bahaya yang dihadapi oleh negara-negara pesisir di selat dan laluan laut tertentu seperti Selat Melaka.

"Adakah melampau untuk meminta mereka yang menggunakan laluan dan negara-negara maritim menyumbang kepada perbelanjaan menjaga laluan-laluan itu supaya bebas dan selamat,? katanya ketika berucap pada perasmian Sidang Kemuncak Asean Keempat di sini hari ini.

Sidang Kemuncak dua hari itu, dengan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong menyampaikan ucapan alu-aluannya, dihadiri oleh Sultan Hassanal Bolkiyah (Brunei), Presiden Suharto (Indonesia), Presiden Corazon Aquino (Filipina) dan Perdana Menteri Thailand, Encik Anand Panyarachun.

Perdana Menteri berkata negara-negara pesisir bukan sahaja tidak mengutip sebarang cukai malah mereka bukan negara yang kaya.

"Pada satu pihak, rondaan maritim di laut dan udara adalah terlalu mahal. Perbelanjaan menyelenggara peralatan dan kakitangan untuk melawan tumpahan serta kerosakan lain juga sama tinggi,+ katanya. -- Lagi

▼27/01/10-58MST

CNS6875

U GB 27-01 00173 XA744

aab

Mahathir - Selat 2 Singapura

Semasa merujuk tekanan oleh kumpulan-kumpulan barat terhadap negara-negara tropika untuk mengekalkan hutan, beliau berkata +walaupun kita mempersoalkan tuntutan bahawa hutan-hutan kita kepunyaan seluruh dunia, kita sentiasa menerima bahawa selat dan laluan laut tertentu menerusi perairan kita merupakan laluan antarabangsa.+

Katanya, negara-negara pesisir tidak begitu bimbang sekiranya kapal yang melalui laluan itu jenis kecil, tidak begitu kerap dan tidak membawa kargo berbahaya. Tetapi kini bukan sahaja jumlahnya berkali-kali ganda malahan saiznya turut bertambah besar.

"Selain itu, kargo yang diangkut kebiasaannya berbahaya; sebagai contoh kapal-kapal tangki minyak dan kimia.+

Sambil merujuk kepada Selat Melaka yang dikelilingi oleh Indonesia, Malaysia dan Singapura, Datuk Seri Dr Mahathir berkata telah banyak perlanggaran dan tumpahan minyak ke laut yang seterusnya mengalir ke pantai.

Bukan sahaja perbelanjaan membersihkan kawasan terbabit terlalu mahal, tetapi juga pemusnahan kawasan perikanan dan kepada industri pelancongan turut besar. Tambahan pula, pembiakan ikan di kawasan tumpahan memakan masa berbulan-bulan untuk kembali kepada sediakala, katanya. -- Lagi

▼27/01/11-03MST

CNS6877

U GB 27-01 00120 XA745

aab

Mahathir - Selat 3 Singapura

"Kini wujud pula masalah baru -- lanun,+ katanya, dan menambah kata bahawa lanun-lanun itu tidak hendakkan kargo yang dibawa tetapi untuk merompak wang dan barang berharga kepunyaan anak-anak kapal.

Sambil menarik perhatian bahawa anak-anak kapal ditinggalkan diikat selepas dirompak, katanya, untuk beberapa jam kapal itu belayar tanpa dipandu.

" Kapal itu mungkin melencong daripada laluan dan ia mungkin berlanggar dengan kapal lain ataupun ia mungkin tersadai, mengakibatkan beraneka jenis kerosakan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika dunia begitu gemar membuat tuntutan hak, maka dunia juga harus bersedia menerima tanggungjawab menjaga selat dan laluan perkapalan itu bebas dan selamat. -- Bernama

▼27/01/11-05MST